



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 June 2015

Maqasid syariah bidang penting kajian pentadbiran - Abdullah

UM-16/6/2015

KUALA LUMPUR 15 Jun - Maqasid syariah kini menjadi subjek penting dalam bidang pengajian pentadbiran kerajaan yang menarik perhatian banyak pihak termasuk di negara ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, mereka yang terlibat dalam perancangan strategik di agensi-agensi kerajaan atau institusi swasta akan menerima manfaat daripada garis panduan maqasid syariah.

“Cerdik pandai serta para penyelidik telah banyak menyumbang kepada apa yang dimaksudkan tentang maqasid syariah ketika ini.

“Maka cabaran pada waktu ini adalah menterjemahkan teori maqasid syariah kepada corak pelaksanaannya serta garis panduan untuk dasar awam,” katanya sewaktu merasmikan Persidangan Antarabangsa Maqasid Syariah dalam Dasar dan Tadbir Urus Kerajaan di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Institut Antarabangsa Kajian Tinggi Islam (IAIS) Malaysia,

Prof. Dr. Mohammad Hashim Kamali; Pengerusi Majlis Agama Islam (MAIS) Selangor, Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa serta Ketua Pegawai Eksekutif Razak School of Government, Dr. Hamidin Abd. Hamid.

Persidangan ini berlangsung selama dua hari bermula hari ini dengan penyertaan kira-kira 100 orang dari enam buah negara iaitu Malaysia, Bangladesh, Afghanistan, Pakistan, Australia dan United Kingdom.

Tambah Abdullah yang juga Pengerusi IAIS, tahun ini merupakan tahun yang relevan untuk negara ini setelah melancarkan Indeks Syariah Malaysia pada Januari lalu.

Katanya, inisiatif itu amat penting bukan sahaja untuk negara ini tetapi untuk umat Islam di seluruh dunia.

Jelasnya, indeks itu juga mampu menyediakan asas bimbingan serta menjadi kayu pengukur kepada pelaksanaan maqasid syariah menerusi agensi-agensi kerajaan dalam inisiatif-inisiatif dasar dan program-program yang dijalankan sepanjang tahun.